

MAHATHIR

DARI HASHIM MAKARUDDIN

1979

MANCHESTER, 19 APRIL (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM TADI BAHAWA USAHA-USAHA MENGGALAKKAN PELABURAN KE MALAYSIA ADALAH MEMENUHI AJARAN-AJARAN ISLAM.

BELIAU MERAFIKAN BAHAWA USAHA-USAHA YANG DILAKUKAN OLEHKERAJAAN ADALAH ANTI-ISLAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN INI SEWAKTU MENJAWAB PERTANYAAN DALAM SATU MAJLIS DIALOG DENGAN PARA PENUNTUT MALAYSIA DI UNIVERSITI SALFORD DI SINI.

BANYAK PERTANYAAN YANG DITIMBULKAN DALAM MAJLIS DUA JAM ITU SEKITAR AJARAN ISLAM. — BERSAMBUNG 1245/1B

EE

B533:

MAHATHIR 2 MANCHESTER

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG SEDANG MEMBUAT LAWATAN MENGGALAKKAN PELABURAN KE MALAYSIA DI SINI BERKAWA SETENGAH-SETENGAH ORANG MALAYSIA ISLAM TELAH MENYALAH TAFSIKKAN AJARAN ISLAM.

SEKARANG INI UJARNYA MUDAH SEKALI SETIPA ORANG MENDAKWA IA SEORANG ILMIAH ISLAM.

+ADA YANG BEKERJA DI LONDON BARU TIGA HARI LALU ENDAKWA MEREKALAH ILMUAN ISLAM YANG BESAR

+DI MALAYSIA DULU MEREKA TIDAK TAHU TENTANG ISLAM, TETAPI BILA SAMPAI DI SINI MEREKA TIBA-TIBA TAHU SEMUA.

TETAPI SAYA TIDAKLAH TAHU APAKAH LONDON INI SEBUAH-TANAH SUCI ATAU TIDAK,+ KATANYA. — BERSAMBUNG 1250/1B

MAHATHIR 3 MANCHESTER

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BILA XRANG-ORANG INI PULANG KE TANAH AIR MEREKA MENJADI MUBALIGH DAN CUBA MEMBUJUK MEREKA YANG PENGETAHUAN A-.-,6- :353(.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU PARA PENUNTUT ITU BAHAWA ADA SEBAHAGIAN ORANG ISLAM DI MALAYSIA YANG PERCAYA BAHAWA UNTUK MENJADI ORANG ISLAM YANG BAIK IALAH +MEMBUANGKAN PETI TV KE SUNGAI ATAU SMEREKA MEMAKAI PAKAIAN ISLAM+.

ADA JUGA KUMPULAN-KUMPULAN YANG PERCAYA KONONNYA DALAM ISLAM ADA KALANGAN ISLAM YANG TINGGI DAN ISLAM YANG RENDAH.

+INI ADALAH SALAH, KERANA BILA KITA PERCAYA KITA LEBIH TINGGI KIWA MENJADI SOMBONG DAN DALAM ISLAM TIDAK ADA TEMPAT UNTUK KESOMBONGAN,+ KATANYA. — BERSAMBUNG 1255/1B

EE

B535:

MAHATHIR 4 MANCHESTER

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MALAYSIA YANG BERTANGGUNGJAWAB MAHU MEMPASTIKAN -2-2- TIDAK ADA PERBUATAN YANG MENGGALAKKAN AJARAN ISLAM YANG SALAH DI NEGARA IT BELIAU JUGA MENAFIKAN BAHAWA MALAYSIA MENYIMPANG DARI TUJUAN ISLAM.

+KAMI MENGAMALKAN ISLAM MENGIKUT KEMAMPUAN KAMI DAN ADALAH MUSTAHIL UNTUK MENGAMALKAN ISLAM 100 PERATUS DALAM SEBUAH NEGARA YANG PENDUDUK BUKAN ISLAMNYA ADALAH JUGA RAMAI,+ TEGAS BELIAU.

KATANYA TIDAK ADA NEGARA DALAM DUNIA, MALAH ARAB SAUDI SEKALIPUN DAPAT MENGAMALKAN ISLAM 100 PERATUS.

ISLAM KATANYA LAGI TIDAK MEMBENARKAN KERAJAANNYA BERUIFAT MENEKAN HANYA UNTUK MELAKSANAKAN UNDANG-UNDANG ISLAM— BEERSAMBUNG 130G/1B

MAHATHIR 5 MANCHESTER

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JIKA DIBANDINGKAN DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN YANG MAJORITI PENDUDUKNYA ISLAM, MALAYSIA TELAH BERBUAT BANYAK MENGGALAKKAN AJARAN ISLAM.

MENGENAI ROMBONGAN PENGALAKAN PELABURAN YANG DIKETUAINYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA USAHA-USAHA MEREKA ITU TELAH BERJAYA.

KATANYA BANYAK PERTANYAAN DITERIMA DAN BEBERAPA PROJEK USAHASAMA TELAH PUN DIMULAI.

USAHA ROMBONGAN ITU TELAH BERJAYA JIKA DIBANDINGKAN DENGAN USAHA-USAHA YANG DIBUAT OLEH NEGARA-NEGARA JIRAN YANG HENDK MENARIK PELABURAN KE NEGARA MASING-MASING.

SEBELUM ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR BERSAMA C KSTERINYA DATIN SRI DR. ASMAM DIIRINGI OLEH PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA KE BRITAIN DATUK ABDULLAH ALI DAN ISTERI MELAWAT KILANG ROLLS ROYCE DI CREWE, KIRA-KIRA 150 BATU KE UTARA LONDON. — BERMAMA 1310/1B

168